

BAHAGIAN A

Arahan: Jawab semua soalan.

Instruction: Answer all questions.

- 1 Penyakit boleh dikelaskan kepada dua jenis, iaitu penyakit berjangkit dan penyakit tidak berjangkit.
Pernyataan yang manakah benar tentang penyakit tidak berjangkit?
Diseases can be classified into two, namely infectious diseases and non-infectious diseases. Which statement is true about non-infectious diseases?
 - A Penyakit berlaku disebabkan jangkitan daripada patogen secara langsung atau melalui medium dan vektor.
Diseases caused by infection of pathogens directly through mediums and vectors
 - B Contoh penyakit ialah selesema, kurap, demam denggi.
Examples of diseases are flu, ringworm, dengue fever
 - C Berlaku disebabkan faktor genetik atau gaya hidup.
Diseases caused by genetic factors or lifestyle
 - D Pengidap perlu dikuarantinkan.
Patients have to be quarantined
- 2 Antara penyakit berikut, yang manakah boleh berjangkit melalui udara?
Which of the following diseases can be spread by air?
 - A SARS
SARS
 - B Malaria
Malaria
 - C Sifilis
Syphilis
 - D Demam kepialu
Typhoid

- 3 Rajah di bawah menunjukkan poster tentang penyakit yang merebak sewaktu banjir.
The diagram below shows a poster about diseases that can be spread during flood season.

WASPADA PENYAKIT WAKTU BANJIR



Jangkitan penyakit melalui air boleh dicegah dengan cara-cara di bawah, **kecuali**
*Infection of diseases through water can be prevented by the following ways **except***

- A Mencampurkan klorin ke dalam kolam renang dan sistem bekalan air.
Add chlorine to swimming pools and water supply systems
- B Membina tandas yang mempunyai sistem sanitasi yang sempurna.
Build toilets with good sanitation
- C Menapis air sebelum minum tanpa mendidihkannya.
Use a water filter before drinking water without boil it
- D Mencuci tangan dengan sabun selepas menggunakan tandas.
Wash hands with soap after using the toilet

Ananthan mengalami cirit-birit dan muntah selepas minum minuman yang tercemar.
Ananthan experienced diarrhea and vomiting after drinking contaminated water.

4 Apakah penyakit yang mungkin dihidapinya?
What is the disease that he might be suffering from?

- A Diabetes
Diabetes
- B Malaria
Malaria
- C Kolera
Cholera
- D Leptospirosis
Leptospirosis

5 Rajah di bawah menunjukkan sejenis nyamuk.
The diagram below shows a type of mosquito.



Nyamuk merupakan sejenis vektor yang membawa pelbagai penyakit. Apakah patogen yang memerlukan nyamuk sebagai vektor?

A mosquito is a vector that can transmit certain diseases. What pathogen needs mosquitoes as a vector?

- A *Vibrio cholerae*
Vibrio cholerae
- B *Leptospira sp.*
Leptospira sp.
- C *Salmonella typhi*
Salmonella typhi
- D *Virus Denggi*
Dengue virus

6 Rajah di bawah menunjukkan suatu proses.
The diagram below shows a process.



Apakah proses itu?

What is the process?

- A Fagositosis
Phagocytosis
- B Pencernaan
Digestion
- C Peneutralan
Neutralisation
- D Penvaksinasi
Vaccination

Badan manusia dilengkapi dengan pelbagai sistem termasuklah sistem keimunan. Apabila berlaku ketidakseimbangan dalam badan atau terlalu banyak toksin, sistem keimunan akan menjadi lemah.

The human body is made up of various systems including the immune system. When there is an imbalance in the body or there are too many toxins, the immune system becomes weak.

7 Apakah penyebab yang melemahkan sistem keimunan?

What are the causes for the weakening of the immune system?

- A Beriadah dan menghirup udara segar
Exercising and inhaling fresh air
- B Tekanan perasaan
Stress
- C Mendapat rehat yang mencukupi
Getting enough rest
- D Melakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala
Doing periodic health examination